

0778

U B876 AAB
MAHATHIR - SEMPADAN

JITRA, 20 JAN (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA, KERAJAAN MUNGKIN MEMBENARKAN PINTU-PINTU SEMPADAN MALAYSIA/THAILAND DIBUKA SEHINGGA WAKTU MALAM.

BELIAU BERKATA, KERAJAAN SEDANG MENGAJI CADANGAN ITU BERIKUTAN KEMPEN TAHUN MELAWAT MALAYSIA (TMM) TAHUN INI.

PINTU-PINTU SEMPADAN KEDUA-DUA BUAH NEGARA PADA MASA INI HANYA DIBUKA DARI 6 PAGI HINGGA 6 PETANG.

CADANGAN ITU JUGA SEJAJAR DENGAN HASRAT MALAYSIA UNTUK MEMBENARKAN SEBERAPA RAMAI PELANCONG MASUK KE NEGARA INI, KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS JAMUAN TENGAH HARI DI KEDIAMAN PEGAWAI DAERAH KUBANG PASU SEMPENA LAWATAN SEHARI BELIAU KE KAWASAN PARLIMENNYA DI SINI HARI INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG TURUT MELAWAT KAWASAN SEMPADAN MALAYSIA/THAILAND DI BUKIT KAYU HITAM PAGI INI BERKATA, KERAJAAN BAGAIMANAPUN TIDAK BERCADANG UNTUK MEMBUKA PINTU SEMPADAN ITU 24-JAM SEHARI DISEBABKAN OLEH MASALAH TERTENTU. -- LAGI.

1634MST 20 01 89

U B877 AAB
MAHATHIR - SEMPADAN 2 JITRA

KATANYA, PIHAK KESELAMATAN NEGARA JUGA PERLU MENGADAKAN KAWALAN DI KAWASAN SEMPADAN BAGI MEMBANTERAS PENYELUDUPAN, TERUTAMA DADAH DAN SENJATA API.

PERDANA MENTERI BERKATA, BELIAU AKAN MENGADAKAN PERBINCANGAN DENGAN PIHAK-PIHAK BERKUASA KESELAMATAN NEGARA SEKEMBALINYA KE KUALA LUMPUR NANTI MENGENAI USAHA MENINGKATKAN KAWALAN DAN PEMBANTERASAN PENYELUDUPAN YANG LEBIH BERKESAN.

DALAM LAWATANNYA PAGI INI, DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG DIIRINGI OLEH MENTERI BESAR KEDAH, DATUK SERI HAJI OSMAN AROFF, MELAWAT TAPAK BEBERAPA BUAH PROJEK PEMBANGUNAN YANG SEDANG DIDIRIKAN DI KAWASAN PARLIMEN KUBANG PASU, TERMASUK DEWAN ORANG RAMAI JITRA, HOSPITAL DAERAH JITRA, PUSAT LATIHAN BELIA DI JITRA, KAMPUS TETAP UNIVERSITI UTARA MALAYSIA DI SINTOK, BUKIT KAYU HITAM DAN KOMPLEKS KILANG PADI LPN DI KODIANG.

BELIAU BERPUAS HATI DENGAN PERKEMBANGAN SEBAHAGIAN BESAR DARIPADA PROJEK-PROJEK ITU KECUALI PROJEK DEWAN ORANG RAMAI JITRA YANG GAGAL DISIAPKAN MENGIKUT JADUAL SELEPAS TIGA KALI BERTUKAR KONTRAKTOR.

KETIKA DITANYA MENGENAI KESEDIAAN PRESIDEN SEMANGAT 46, TENGGU RAZALEIGH HAMZAH BERTEMU BELIAU BAGI MENGEMUKAKAN USUL LAPAN PERKARA YANG DILULUSKAN OLEH PARTI ITU BARU-BARU INI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, BELIAU BERSEEDIA BERJUMPA TENGGU RAZALEIGH TETAPI +BERAT+ UNTUK MENERIMA USUL-USUL TERSEBUT. -- LAGI.

1637MST 20 01 89

U B878 AAB
MAHATHIR - SEMPADAN 3 JITRA

MENGENAI KENYATAAN LAIN TENGGU RAZALEIGH BAHAWA BELIAU HANYA AKAN MENERIMA JAWATAN PERDANA MENTERI SEKIRANYA DITAWARKAN MENYERTAI SEMULA KERAJAAN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, TENGGU RAZALEIGH BOLEH MENDAPATKAN JAWATAN ITU SEKIRANYA BELIAU MENYERTAI SEMULA UMNO.

+KUASA MENENTUKAN PERDANA MENTERI BUKAN KUASA SAYA TETAPI KUASA ANGGOTA UMNO ... DIA (TENGGU RAZLEIGH) KENALAH MASUK UMNO DULU DAN BERTANDING ... KALAU MENANG, BOLEHLAH JADI PERDANA MENTERI,+ TAMBAHNYA.

MENGENAI SARANAN TENGGU RAZALEIGH SUPAYA BELIAU MELETAKKAN JAWATAN SEBAGAI PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, TIDAK ADA SEBAB UNTUK BELIAU BERBUAT DEMIKIAN PADA MASA INI MELAINKAN TERPAKSA ATAS SEBAB-SEBAB KESIHATAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR TIBA DI SINI PAGI INI BERSAMA ISTERI, DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH MOHAMAD ALI. -- BERNAMA.
1639MST 20 01 89